

06 MAR 1997

Mandela-Lawatan

PRESIDEN MANDELA TIBA UNTUK LAWATAN LIMA HARI

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela tiba di sini hari ini untuk memulakan lawatan lima hari ke Malaysia, peringkat akhir daripada lawatan 10 harinya ke empat negara Asean.

Ketibaan Mandela, 78, yang diiringinya temannya Graca Machel, disambut di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau diiringi rombongan 115 anggota termasuk menteri, pegawai kanan dan ahli perniagaan.

Ini merupakan lawatan pertama Mandela ke Malaysia sejak menjadi ketua negara republik itu.

Presiden Afrika Selatan itu pernah mengadakan lawatan ke Malaysia pada 1993, iaitu setahun sebelum pilihan raya bebas tanpa mengira kaum diadakan di negara itu pada 27 April, 1994.

Mandela yang telah melawat Filipina, Brunei dan Singapura sebelum tiba di sini, kemudiannya diberi sambutan penuh beristiadat di Medan Parlimen.

Ketibaan beliau di Medan Parlimen disambut oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar. Turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah.

Mandela kemudiannya memeriksa barisan kehormat yang terdiri daripada 103 anggota dan empat pegawai daripada Batalion Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) yang diketuai oleh Mejar Hamdi Abdul Rahman.

Lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan oleh Pancaragam Pusat Armour RAMD.

Pemimpin Afrika Selatan itu kemudian diperkenalkan kepada Menteri-menteri Kabinet dan kenamaan asing.

Malam ini, Mandela akan menghadiri jamuan negara yang diadakan oleh Tuanku Ja'afar di Istana Negara.

Esok, beliau akan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri. Kedua-dua pemimpin itu kemudiannya akan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian dua hala.

Semasa lawatannya itu, Mandela akan melawat kilang Proton di Shah Alam, Unit Perancangan Ekonomi dan menara berkembar Petronas, KLCC iaitu bangunan tertinggi di dunia.

Beliau akan menyampaikan ceramah di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar dan menghadiri Forum Perniagaan Kedua Malaysia-Afrika Selatan.

Mandela juga akan membuat lawatan ke Langkawi sebelum pulang pada Isnin.

Dr Mahathir dan Mandela telah menjalin hubungan peribadi yang jitu. Perdana Menteri membuat lawatan singkat tidak rasmi ke Afrika Selatan pada 1992 dan lawatan rasmi pertama beliau ialah pada Ogos 1995.

Malaysia menjalin hubungan diplomatik dengan Afrika Selatan pada November 1993 selepas dasar pemerintahan mengikut warna kulit ataupun lebih dikenali sebagai apartheid dimansuhkan.

Jumlah dagangan antara Malaysia dan Afrika Selatan berjumlah RM883 juta pada 1995 dengan eksport Afrika Selatan ke Malaysia hampir berganda ke RM388 juta. -- BERNAMA

TM PR